

Unisza kampus Tembila bakal jadi pusat biomedik

TEMBILA - Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) kampus Tembila di sini, bakal menjadi pusat kajian Perubatan Biologi (biomedik) ulung di rantau ini apabila bidang itu dibangunkan di kampus baharunya itu tidak lama lagi.

Naib Canselor Unisza, Profesor Dr Yahya Ibrahim berkata, bidang yang baharu diwujudkan di kampus itu adalah salah satu pengajian yang ditawarkan selain pertanian, informatik, pengkomputeran dan kejuruteraan.

Menurutnya, Unisza kampus Tembila akan dijadikan sebagai kampus pusat kajian untuk bidang pengajian tersebut selain beberapa pengajian baharu yang akan ditawarkan di Unisza Kampus Kota dan Gong Badak.

"Tumpuan kampus Tembila lebih kepada program kajian, manakala kampus Gong Badak akan digunakan sebagai pusat pembelajaran un-

tuk pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda ke atas termasuk bidang kedoktoran, apabila siapnya pembinaan Hospital Perubatan Unisza untuk pelajar perubatan dan sains kesihatan di kawasan kampus berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Penyerahan Projek Bangunan Unisza kampus Tembila Peringkat 3 di sini, daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) kepada Unisza.

JKR diwakili Pengurus Pembinaan Kampus Unisza, Ir Wan Abdul Rahman Wan Hassan manakala Unisza diwakili Yahya.

Hadir sama, Arkitek Kanan JKR Cawangan Pendidikan dan Pengajaran Tinggi, Hanafi Hamdan.

Yahya berkata, pelajar jurusan diploma tidak akan lagi ditempatkan di kampus Gong Badak sebaliknya akan dipindah ke kampus Tembila yang mempunyai kemudahan



Yahya menyempurnakan majlis penyerahan bangunan Unisza di Tembila.

asrama yang mampu menampung 3,000 pelajar.

Kata beliau lagi, Unisza dijangka mempunyai seramai 15,000 pelajar di kampus induk Gong Badak dan Tembila menjelang 2020.

"Beberapa bidang baru

sedang dikenal pasti untuk diperkenalkan di Unisza tidak lama lagi seperti bidang telekomunikasi, robotik, reka bentuk selain bidang perfilman dan reka fesyen mengikut kehendak pasaran semasa," katanya.

SINAR HARIAN 5/6/2014